PETIKAN BUKU TEKS TINGKATAN 1 MUKA SURAT 140

2.2.1 Membaca untuk memahami makna perkataan yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.

Membaca

Melompat Lebih Jauh

AKTIVITI

1. Berikan maksud perkataan yang **berwarna merah** dengan merujuk kamus dan glosari.
2. Bina ayat dengan perkataan tersebut bagi menjelaskan maksudnya.

Sukan berkuda ialah sukan yang mengasah kemahiran menunggang kuda oleh penunggangnya. Sukan ini mewujudkan persefahaman antara manusia dengan kuda. Hal ini dikatakan demikian kerana penunggang kuda perlu bijak mengawal **emosi** diri dan kuda di hadapan khalayak. Terdapat acara sukan yang melibatkan aksi berkuda seperti **balet** kuda, lompat palang, menunggang kuda jarak jauh, dan **polo**.

Aksi balet kuda memerlukan keupayaan kuda mempersembahkan pergerakan badan yang menarik. Ciri-ciri persembahan kuda yang baik berdasarkan kekerapan dan kebebasan pergerakan kuda, keanjalan langkah kuda, dan keinginan kuda bergerak ke hadapan.

Selain itu, aksi berkuda lompat palang memerlukan penunggang yang mahir menunggang kuda, melompat halangan, atau melakukan aktiviti **lombol**. Penunggang kuda perlu yakin kerana perasaan takut akan menyebabkan kuda tertekan sehingga mengganggu pergerakan kuda. Penunggang yang baik mestilah cekap mengawal kuda untuk bergerak, berlari, dan berhenti.

Di samping itu, acara menunggang kuda jarak jauh pula memerlukan kuda yang **lasak**. Perkara ini penting kerana kuda memerlukan **stamina** dan kemampuan semula jadi. Kuda yang dilatih untuk ditunggang dinilai berdasarkan gaya dan kebolehan kuda dan penunggangnya.

Sukan berkuda dapat melatih pemain mengimbangkan diri, meregangkan **otot**, dan membaiki pergerakan otot seluruh badan. Selain itu, amalan menunggang kuda dapat mempertingkatkan kecekapan otak kiri kerana penunggang perlu peka dan **tangkas** terhadap persekitaran.

A) Padankan perkataan di bawah dengan makna yang betul berdasarkan petikan di atas.

Emosi	Merupakan jalinan tisu dalam tubuh sebarang hidupan termasuk manusia atau haiwan yang punya tugas utamanya mengucup dan mengendur
Balet	Perasaan jiwa yang kuat
Polo	Cepat atau pantas
Lombol	Tarian klasik barat yang lemah gemalai
Lasak	Permainan bola dengan menunggang kuda
Stamina	Teguh
Otot	Daya tahan
tangkas	Salah satu acara dalam gimnastik

LIVEWORKSHEETS

B) Bina ayat berdasarkan perkataan di bawah.

Perkataan	Ayat
emosi	
lasak	
stamina	
otot	
tangkas	

LIVEWORKSHEETS